


GAMBAR pada 2001 menunjukkan seorang bekas tentera Iraq menderita penyakit kanser di sebuah hospital di Basra akibat penggunaan senjata uranium dalam perang teluk pada 1991.



KANAK-KANAK ini mengalami keguguran rambut ekoran terkena radiasi akibat letupan reaktor nuklear di Chernobyl, Ukraine pada 1986.

Kasno 17/3/2011 Ms 1

Radiasi: Kanser sebelum maut

KUALA LUMPUR

Individu yang terdedah kepada radiasi setinggi 600 mikrosievert dalam tempoh tertentu berisiko mengalami penyakit kanser dan pelbagai penyakit lain berkaitan radiasi.

Lebih dahsyat, pendedahan yang terlalu lama terhadap radiasi setinggi itu mampu membawa maut malah memberi kesan negatif terhadap ibu mengandung di mana anak dalam kandungan akan cacat.

Beberapa pakar berkaitan nuklear ketika dihubungi *Kosmo!* semalam memberitahu, penyakit berkaitan radiasi bergantung kepada kekerapan individu terdedah kepada persekitaran yang mempunyai tahap radiasi yang tinggi.

Pakar Nuklear dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Datuk Dr. Sukiman Sarmani berkata, pancaran sinar radiasi yang tinggi memberi kesan lama dan akhirnya membawa maut.

"Bergantung kepada dos sinar radiasi itu sendiri. Jika terkena pada kadar lebih 600 mikrosievert dan berpanjangan, kemungkinan untuk mendapat kanser tinggi.

"Satu istilah yang dipanggil Radiation Sickness pula

Petaka tsunami, gempa bumi di Jepun

dapat dikesan sekiranya mengalami muntah, loya, mual dan pening," katanya.

Tegasnya, individu hanya boleh mengalami Radiation Sickness apabila tinggal berdekatan loji nuklear atau terdedah kepada radiasi tinggi.

Bagaimanapun, katanya, ukuran selamat adalah di bawah 600 mikrosievert.

"Sekiranya individu melakukan ujian x-ray setiap hari dengan jangka masa yang panjang, mereka mungkin akan mendapat Radiation Sickness," tambahnya.

Mengulas apa yang berlaku di Jepun, Sukiman berkata, kesan radiasi akibat letupan loji nuklear tidak akan sampai ke Malaysia kerana faktor jarak yang jauh dan bacaan radiasi yang rendah.

Sementara itu, di Tokyo, kadar radiasi kelmarin adalah pada 0.80 mikrosievert setiap jam iaitu 10 kali lebih rendah daripada seorang yang terdedah sinaran x-ray gigi.

Pengarah Institut Kajian Bencana Asia Tenggara (SEADPRI), UKM, Prof. Datuk Dr. Ibrahim Komo berkata, hujan yang turun tidak akan menyebabkan



KEADAAN bayi yang cacat anggota ekoran terdedah kepada radiasi yang melampau.

Info Langkah-langkah yang boleh diambil orang awam untuk melindungi diri daripada sumber radiasi

Berpindah

Semakin jauh seseorang dari sumber radiasi, semakin kurang risiko terdedah kepada pencemaran radioaktif. Di Jepun, orang ramai yang tinggal dalam lingkungan 20 kilometer dari loji nuklear Fukushima diarah berpindah manakala mereka yang berada 30 kilometer dari loji berkenaan diminta berada di dalam rumah.

Berlindung

Langkah terbaik untuk berlindung daripada awan radioaktif adalah berada di dalam rumah dan menutup semua tingkap serta pintu bagi mengelak dimasuki udara tercemar.

Jaga kebersihan

Cuci dengan sabun dan air jika kulit terdedah kepada unsur-unsur radioaktif seperti debu tercemar.

seseorang individu terdedah kepada kanser atau Radiation Sickness.

Katanya, pendedahan terhadap radiasi akan menyebabkan penyakit kanser se-

Mengambil mineral tambahan

Tablet potassium iodida boleh menghalang kelenjar tiroid daripada menyerap radiasi dan mampu mengurangkan risiko mendapat kanser tiroid akibat pendedahan kepada radiasi.

Berdiet

Radiasi memusnahkan vitamin penting, asid lemak, kalsium dan hormon. Oleh itu, makan banyak makanan segar dan semula jadi untuk mengembalikan semula elemen-elemen tersebut.

Plumbum, konkrit atau air adalah benteng terbaik daripada pancaran radiasi seperti sinaran gamma

Bahan-bahan radioaktif biasanya disimpan dan dikendalikan di dalam air atau melalui alat kawalan jauh di dalam bilik-bilik ber dinding konkrit tebal atau plumbum.

Sumber: Reuters

hingga boleh membawa maut dan pesakit yang mengalami kanser akibat radiasi hanya dapat dikesan selepas dua hingga tiga tahun.

Profesor Teknologi Nuk-



SEORANG wanita mendukung anaknya yang cacat ekoran terkena radiasi akibat letupan reaktor nuklear di Chernobyl, Ukraine pada 1986.



TIGA kanak-kanak cacat pada kaki masing-masing ekoran letupan reaktor nuklear di Chernobyl, Ukraine pada 1986.

lear Dalam Perubatan di Universiti Masterskill, Prof. Datuk Dr. Proom Wichit berkata, pancaran yang berlaku di dalam reaktor akan melepaskan radioaktif dalam bentuk pancaran.

"Reaktor diperbuat daripada uranium yang juga bahan api yang boleh menyebabkan radioaktif sekiranya

reaktor tersebut terbakar dan mencair dan ia membahayakan kesihatan manusia," katanya.

Gempa bumi pada 8.9 skala Richter melanda timur Jepun Jumaat lalu sekali gus mencetuskan ombak tsunami setinggi 10 meter.

Kejadian itu menyebabkan lebih 10,000 didakwa terbunuh.